

ARTIKEL MAJUTAN JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA BAGI JULAI HINGGA DISEMBER 2024

BENGKEL PENDEDAHAN & PEMAHAMAN PELAN INDUK RANGKAIAN EKOLOGI *CENTRAL FOREST SPINE* (PIRECFS) 2022 BIL.3/2024 NEGERI PERAK- PERANCANGAN DAN PENGURUSAN KOS PROJEK

**DISEDIAKAN OLEH:
AZHAR BIN ANUAR
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK**

SUNGKAI, 26– 28 NOVEMBER 2024

Central Forest Spine atau CFS merupakan gabungan kompleks hutan yang terdiri daripada kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK), Hutan Tanah Kerajaan (HTK), Taman Negara, Taman Negeri dan Rizab Hidupan Liar, tanah pertanian dan kawasan tepu bina yang menjadi tulang belakang bagi Kawasan Sensitif Alam Sekitar atau lebih dikenali sebagai KSAS. Kawasan Sensitif Alam Sekitar ini merupakan suatu kawasan khas yang sangat sensitif kepada sebarang bentuk perubahan kepada ekosistemnya akibat daripada proses alam semula jadi atau aktiviti di dalam atau di sekitarnya, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Di Negeri Perak mempunyai lapan (8) Rangkaian Ekologi CFS dengan keluasan 54, 617 hektar yang mana lima (5) rangkaian utama dan tiga (3) rangkaian sekunder. Kerajaan Negeri Perak komited terhadap kepentingan dan sumbangan rangkaian ekologi ini di mana Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Perak Bil. 1 Tahun 2022 telah meluluskan dengan menerimapakai PIRECFS 2022 di peringkat Negeri pada 22 Februari 2022. PIRECFS 2022 ini mengandungi 5 Objektif, 14 Strategi, 38 Tindakan dan 228 Inisiatif yang perlu dilaksanakan secara berfasa bagi tempoh tahun 2022 hingga 2040. Bagi memastikan visi pelan induk ini tercapai, maka Jabatan Perhutanan Negeri Perak dengan kerjasama Jabatan Perlindungan Hidupan Liar (PERHILITAN) telah menganjurkan Bengkel Pendedahan & Pemahaman Pelan Induk Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (PIRECFS) 2022 Bil. 3/2024 Negeri Perak - Perancangan Dan Pengurusan Kos Projek pada 26 hingga 28 November 2024 di *FELDA Residence Hot Springs*, Sungkai. Bengkel ini bertujuan untuk memberi pendedahan, kefahaman dan mengenal pasti sumber peruntukan serta kaedah pembiayaan dalam melaksanakan tindakan dan inisiatif dalam PIRECFS 2022. Penganjuran bengkel ini adalah bertepatan dengan peranan Jabatan Perhutanan

Negeri Perak selaku urusetia Jawatankuasa Kerja Negeri Pelaksanaan CFS di Negeri Perak untuk membantu mengenal pasti kekangan atau permasalahan dalam pelaksanaan inisiatif-inisiatif di lapan (8) Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (CFS) Negeri Perak. Hasil daripada rumusan bengkel ini akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Teknikal Pelaksanaan *Central Forest Spine* (JKTP-CFS) Negeri Perak. Antara pengisian program di dalam bengkel ini adalah ceramah/taklimat dan perbincangan kumpulan mengikut objektif PIRECFS 2022 dan lawatan kerja ke Pusat Konservasi Hidupan Liar dan Pusat Menyelamat Hidupan Liar Kebangsaan di Sungkai. Penganjuran bengkel ini adalah selari dengan Tindakan 4.3b di bawah PIRECFS 2022 iaitu Meningkatkan Kesedaran serta Penglibatan Awam Dalam Usaha Memelihara, Memulihara dan Melindungi Hutan serta memberi pendedahan kepada agensi pelaksana dan agensi sokongan untuk mengenal pasti sumber peruntukan serta kaedah pembiayaan dalam melaksanakan tindakan dan inisiatif dalam PIRECFS 2022 selari dengan Tindakan 4.2a di bawah PIRECFS 2022 iaitu untuk Menyediakan Model Kewangan Pelaksanaan PIRECFS. Selain itu, peserta bengkel juga didedahkan dengan usaha konservasi oleh PERHILITAN di bawah Tindakan 2.2b: Memulihara Spesies Endemik dan Terancam di dalam Rangkaian Ekologi CFS dan Tindakan 2.3a: Mengekalkan Kesejahteraan Hidupan Liar dan Komuniti Tempatan di bawah PIRECFS 2022. Pelaksanaan bengkel ini juga adalah bagi mengeratkan ukwah dan kalaborasi antara agensi/jabatan dan NGO dalam melaksana, memantau dan mengawal pembangunan dalam kawasan CFS Negeri Perak selari dengan Tindakan 4.1b di bawah PIRECFS 2022 iaitu Untuk Meningkatkan Koordinasi dan Keterangkuman Semua Pihak Berkepentingan dalam Pengurusan CFS.



Gambar 1: Ceramah/Taklimat Bengkel Pendedahan & Pemahaman Pelan Induk Rangkaian Ekologi Central Forest Spine (PIRECFS) 2022 Bil. 3/2024 Negeri Perak - Perancangan Dan Pengurusan Kos Projek



Gambar 2: Ceramah/Taklimat Bengkel Pendedahan & Pemahaman Pelan Induk Rangkaian Ekologi Central Forest Spine (PIRECFS) 2022 Bil. 3/2024 Negeri Perak - Perancangan Dan Pengurusan Kos Projek



Gambar 3: Perbincangan Bengkel Pendedahan & Pemahaman Pelan Induk Rangkaian Ekologi Central Forest Spine (PIRECFS) 2022 Bil. 3/2024 Negeri Perak - Perancangan Dan Pengurusan Kos Projek



Gambar 4: Perbincangan Bengkel Pendedahan & Pemahaman Pelan Induk Rangkaian Ekologi Central Forest Spine (PIRECFS) 2022 Bil. 3/2024 Negeri Perak - Perancangan Dan Pengurusan Kos Projek



Gambar 5: Peserta Bengkel Pendedahan & Pemahaman Pelan Induk Rangkaian Ekologi Central Forest Spine (PIRECFS) 2022 Bil. 3/2024 Negeri Perak - Perancangan Dan Pengurusan Kos Projek



Gambar 6: Lawatan ke Pusat Konservasi Hidupan Liar, Sungkai



Gambar 7: Taklimat Penerangan di Pusat Konservasi Hidupan Liar, Sungkai



Gambar 8: Lawatan ke Pusat Menyelamat Hidupan Liar Kebangsaan, Sungkai